**RAMLAH ABDULLAH**

**lwn.**

**TALASCO INSURANCE SDN BHD;**
**PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL BHD (PIHAK KETIGA)**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
AHMAD MAAROP H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-08-2000]
8 MAC 2007

***LALULINTAS JALAN:*** *Insurans - Dakwaan terhadap syarikat insurans - Liabiliti syarikat insurans membayar wang penghakiman yang diperolehi plaintif terhadap pemandu kereta yang memandu kereta syarikat pada masa kemalangan - Sama ada pemandu kereta memandu kereta dengan kebenaran syarikat - Sama ada kereta dipandu dalam kegunaan munasabahnya sebagai kereta syarikat*

Plaintif yang merupakan seorang penumpang dalam kereta bernombor WBK 398 terlibat dalam suatu kemalangan jalanraya di antara kereta tersebut dengan kereta yang bernombor BCQ 8343 yang dipandu oleh seorang bernama Wan Din Hussin (SP3). Akibat daripada kemalangan tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan. Ini diikuti dengan tindakan plaintif di Mahkamah Sesyen terhadap SP3 sebagai defendan pertama dan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd ('Proton') sebagai defendan kedua iaitu pihak ketiga dalam kes ini. Pada masa material defendan merupakan penanggung insurans kereta BCQ 8343 yang dimiliki Proton. Plaintif telah mendapat penghakiman mahkamah terhadap SP3 tetapi tuntutannya terhadap Proton ditolak kerana didapati bahawa pemandu kereta BCQ 8343 bukanlah seorang pengkhidmat atau ejen Proton. Plaintif kini memohon wang penghakiman serta faedah dan kos daripada defendan sebagai penanggung insurans. Mengikut plaintif, defendan diwajibkan membayarnya berdasarkan ss. 91(3), 96(1) dan 95(K) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Fakta menunjukkan bahawa kereta BCQ 8343 digunakan oleh seorang pengurus kanan Proton bernama Ang Yew Jin ('AYJ') sebagai kereta syarikat ("company car"). AYJ adalah kawan SP2 dan SP2 sebenarnya abang plaintiff. SP2 telah meminjam kereta tersebut dari AYJ untuk pulang berhari raya bersama keluarganya di Terengganu. SP2 telah meminta SP3 memandu kereta tersebut kerana dia merasa letih. Pada masa material plaintif bersama beberapa orang saudaranya berada di dalam kereta WBK 398 yang berada di hadapan kereta BCQ 8343 apabila kemalangan tersebut berlaku.

**Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dengan kos):**

**(1)** Persoalan sama ada defendan sebagai penanggung insurans kepada Proton bagi kereta BCQ 8343 diwajibkan membayar wang penghakiman tersebut kepada plaintif bergantung kepada persoalan sama ada pada masa material SP3 telah memandu kereta tersebut dengan kebenaran Proton sama ada secara nyata atau tersirat. (perenggan 19)

**(2)** Keterangan SP2 dalam pemeriksaan utama menyatakan bahawa dia mempunyai kebenaran AYJ untuk memandu kereta BCQ 8343 adalah keterangan dengar cakap dan tidak boleh diterima dalam keterangan untuk membuktikan kebenaran apa yang didakwa telah diperkatakan oleh AYJ. (perenggan 24)

**(3)** Tentang dakwaan bahawa AYJ telah memberikan keterangan di dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen, tidak ada keterangan dikemukakan di hadapan mahkamah ini tentang apa yang telah dinyatakan oleh AYJ dalam keterangannya. Keterangan AYJ di Mahkamah Sesyen tidak boleh digunakan sebagai asas untuk membuat kesimpulan bahawa kereta BCQ 8343 telah dipandu dengan kebenaran AYJ iaitu seorang yang telah diamanahkan oleh Proton dengan kereta itu. (perenggan 24)

**(4)** Jika benar kehadiran AYJ untuk memberi keterangan tidak boleh didapati tanpa melibatkan kelewatan atau perbelanjaan yang tidak munasabah (disebabkan AYJ di luar negara menerima rawatan), plaintif boleh menggunakan peruntukan di bawah s. 33 Akta Keterangan 1950 untuk mengemukakan keterangannya di Mahkamah Sesyen. Tetapi itu tidak dilakukan oleh plaintif. Jadi kes plaintif masih bergantung kepada keterangan SP2 dan SP3. (perenggan 24)

**(5)** Proton tidak perlu mengemukakan keterangan bahawa SP3 tidak ada kebenaran untuk memandu kereta BCQ 8343 sedangkan SP3 sendiri dalam keterangannya mengakui bahawa Proton tidak memberinya sebarang kebenaran untuk menggunakan kereta itu. Malah SP3 mengakui bahawa dia tidak tahu kereta itu dipunyai oleh Proton. SP3 juga mengaku bahawa bukan AYJ yang meminjamkan kereta itu kepadanya. SP2 pula mengaku bahawa dia telah mendapatkan kebenaran secara lisan dari AYJ untuk menggunakan kereta itu. Kemudian SP2 menyuruh SP3 memandu kereta itu. SP2 juga mengaku bahawa dia tidak memperolehi kebenaran dari Proton untuk menggunakan kereta itu. SP2 dan SP3 telah mengaku bahawa mereka tidak memperolehi kebenaran dari Proton. (perenggan 27)

**(6)** Kereta BCQ 8343 telah dibekalkan oleh Proton kepada AYJ sebagai kereta syarikat. Dalam keadaan kes ini, pemanduan kereta itu oleh SP3 pada masa material tidaklah satu perkara yang "reasonably incidental" kepada kegunaan munasabah ("reasonable use") kereta itu sebagai kereta syarikat yang telah dibekalkan kepada AYJ. (perenggan 34)

**(7)** Plaintif telah gagal membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa SP3 telah memandu kereta BCQ 8343 pada masa material dengan kebenaran Proton secara nyata atau tersirat. Oleh yang demikian defendan tidak bertanggunggan untuk membayar kepada plaintif wang penghakiman tersebut. (perenggan 35)

*[Tiada perintah dibuat tentang tuntutan defendan terhadap pihak ketiga, Proton.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v. Queensland Insurance Co Ltd [1974] 1 LNS 4 HC* ***(dirujuk)***

*Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57 SC* ***(dirujuk)***

*Lee Ah Chor v. Southern Bank Ltd [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239 SC* ***(dirujuk)***

*Letchumi & Anor v. The Asia Insurance Co Ltd [1972] 1 LNS 74 FC* ***(dirujuk)***

*Muniandy & Anor v. Muhamad Abdul Kader & Ors [1989] 2 MLJ 416* ***(dirujuk)***

*People's Insurance Co Ltd v. Khoo Tiang Seng [1966] 1 MLJ 281* ***(dibezakan)***

*Post Office v. Norwich Union Fire Insurance Society Ltd [1967] 2 QB 363* ***(dirujuk)***

*State Government Of Perak v. Muniandy [1985] 1 LNS 117* ***(dirujuk)***

*Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC* ***(dirujuk)***

*Yong Moi & Anor v. The Asia Insurance Co Ltd [1964] 1 LNS 229 FC* ***(dibezakan)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, ss. 33, 114(g)
Road Transport Act 1987, ss. 91(3), 95(K), 96(1)

**Sumber-sumber yang dirujuk:**

Prof Poh Chu Chai, *Law of Life, Motor and Workmen's Compensation Insurance*, 5th edn, ms 547

*Bagi pihak plaintif - Americk Sidhu; T/n Isharidah, Ho, Chong & Menon*
*Bagi pihak defendan - Mohd Fuad Husaini; T/n Othman Hashim & Co*
*Bagi pihak ketiga - Andrew Khoo; T/n Khoo & Sidhu*

*Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah*

A

## PENGHAKIMAN

**Ahmad Maarop H:**

**Kes Plaintif Yang Diplidkan**

B **[1]** Intipati dakwaan plaintif menurut pernyataan tuntutannya (dalam kandungan 86A) adalah seperti berikut:

(1) Pada 6 Mei 1989 atau 7 Mei 1989 plaintif adalah seorang penumpang dalam kereta WBK 398 yang telah terlibat dengan pelanggaran dengan kereta BCQ 8343 yang dipandu oleh seorang C bernama Wan Din bin Hussin (SP3).

(2) Plaintif, yang telah mengalami kecederaan yang serius akibat pelanggaran tersebut, telah memfailkan tuntutannya terhadap SP3 dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton), iaitu, D pemilik kereta BCQ 8343 (pihak ketiga dalam kes ini), di Mahkamah Tinggi di Kuantan dan tuntutan itu telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu melalui saman No. 53-100-98.

(3) Pada setiap waktu yang material defendan adalah penanggung E insurans (insurers) kereta BCQ 8343 yang dimiliki oleh Proton (sidiinsurans) menurut peruntukan di bawah s. 96, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

(4) Sebagai penanggung insurans, defendan hendaklah mematuhi F peruntukan di bawah s. 91 Akta 333, yang antara lain memperuntukkan bahawa apabila kontrak insurans diikat defendan mestilah melindungi Proton iaitu pemilik kereta BCQ 8343 atau pemandu yang diberi kebenaran untuk memandu kereta tersebut.

(5) Pada 27 Julai 1999 dalam saman No. 53-100-98 Mahkamah Sesyen G Kuala Terengganu telah memerintahkan supaya tindakan plaintif terhadap Proton ditolak. Mahkamah juga telah memerintahkan SP3 membayar kepada plaintif gantirugi am dan gantirugi khas dan faedah atas ganti rugi am dan ganti rugi khas serta kos tindakan yang kesemuanya berjumlah RM554,979.26 (wang penghakiman H tersebut).

(6) Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di bawah s. 91(3), s. 96(1) dan s. 95(K) Akta 333, defendan diwajibkan membayar kepada plaintif wang penghakiman tersebut dan plaintif memohonnya serta dengan faedah dan kos. I

**Kes Defendan Yang Diplidkan**

**[2]** Intipati pembelaan defendan seperti dalam pernyataan pembelaan nya adalah seperti berikut (kandungan 86A):

(1) Menurut s. 91 Akta 333, defendan hanya perlu memberi perlindungan insurans terhadap sidiinsurans (Proton) dan pemandu yang dibenarkan memandu kereta tersebut, terhadap risiko pihak ketiga,

(2) Motokar yang diinsuranskan (BCQ 8343) adalah sebuah kereta bagi pejabat sidiinsurans (company vehicle) dan tertakluk kepada prosedur asas penggunaan dan penyelenggaraan bagi kenderaan-kenderaan pejabat pihak diinsurans.

(3) SP3 bukan pekerja atau ejen kepada sidiinsurans dan tidak mempunyai kebenaran untuk memandu kereta BCQ 8343 pada waktu yang material.

(4) Liabiliti SP3 di dalam kemalangan yang material semasa memandu kereta BCQ 8343 tidak tertakluk di bawah polisi insurans tersebut dan defendan tidak mempunyai tanggungan untuk menanggung liabiliti SP3 dalam kemalangan yang didakwa oleh plaintif.

(5) Tuntutan plaintif terhadap sidiinsurans (sebagai defendan kedua) di dalam saman No. 53-100-98 telah pun ditolak oleh mahkamah sesyen. Oleh itu plaintif tidak mempunyai apa- apa liabiliti dalam tindakan itu yang perlu ditanggung olehnya.

(6) Oleh kerana SP3 adalah tidak tertakluk kepada polisi insurans kereta BCQ 8343, maka SP3 dianggap memandu kereta itu tanpa perlindungan insurans yang sah (uninsured driver). Oleh itu, SP3 hendaklah menanggung sendiri liabilitinya bagi pelanggaran itu.

(7) Terhadap pihak ketiga (Proton) defendan menyatakan bahawa jika Mahkamah mendapati bahawa defendan hendaklah membayar wang penghakiman tersebut kepada plaintif, pihak ketiga hendaklah menanggung rugi defendan terhadap tuntutan pelaksanaan plaintif. Ini adalah kerana pihak ketiga telah melanggar terma-terma polisi insurans antara defendan dan pihak ketiga apabila ia telah cuai sehingga menyebabkan kereta BCQ 8343 dipandu oleh SP3 pada masa yang material.

**[3]** Pihak ketiga telah menafikan tuntutan defendan itu.

A **Fakta-fakta Kes**

**[4]** Dari pernyataan fakta-fakta yang dipersetujui (kandungan 93C) fakta-fakta berikut telah dipersetujui:

B 1. Defendan merupakan sebuah syarikat insurans yang ditubuhkan di Malaysia yang kini dikenali sebagai Tahan Insurance Malaysia Berhad dan beralamat di Menara MRCB, No. 2, Jalan Majlis 14/10, Seksyen 14, 40000 Shah Alam.

2. Plaintif, pada atau lebih kurang pada 7 Mei 1989, merupakan C seorang penumpang dalam kereta yang bernombor WBK 398.

3. Pada, atau lebih kurang pada 7 Mei 1989, suatu kemalangan jalan raya telah berlaku di Simpang Pelabuhan Kuantan di antara kereta yang bernombor WBK 398 dan kereta yang bernombor BCQ 8343.

D 4. Akibat daripada perlanggaran di antara kereta bernombor WBK 398 dan kereta bernombor BCQ 8343 plaintif telah mengalami kecederaan.

5. Plaintif telah memulakan tindakan mahkamah terhadap pemandu kereta bernombor BCQ 8343 dan telah mendapat penghakiman E mahkamah terhadap Wan Din Bin Hussin pada 27 Julai 1999 dalam Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu Saman No: 53-100-98.

6. Pada setiap waktu material, defendan merupakan penanggung insurans kepada Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. Pihak F ketiga bagi kereta bernombor BCQ 8343 mengikut Sijil Insurans bernombor AD01011202495 yang berkuatkuasa dari 17 Januari 1989 hingga 16 Januari 1990.

7. Pemilik kereta No: BCQ 8343 adalah pihak ketiga.

G 8. Tuntutan plaintif terhadap pihak ketiga, sebagai defendan kedua dalam Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, telah ditolak kerana didapati bahawa pemandu kereta No. BCQ 8343 (defendan pertama) bukanlah seorang pengkhidmat atau ejen kepada defendan kedua.

H 9. Penghakiman dalam Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu Saman No: 53-100-98 belum dijelaskan.

**Persoalan Utama Yang Perlu Diputuskan Oleh Mahkamah**

**[5]** Pihak-pihak adalah terikat dengan pliding mereka masing-masing. I (Lihat *State Government Of Perak v. Muniandy* [1985] 1 LNS 117 SC, *Lee Ah Chor v. Southern Bank Ltd* [1991] 1 CLJ 667; [1991] 1 CLJ (Rep) 239 SC, *Muniandy & Anor v. Muhamad Abdul Kader & Ors* [1989]

2 MLJ 416, *Chung Khiaw Bank Ltd v. Hotel Rasa Sayang* [1990] 1 CLJ 675; [1990] 1 CLJ (Rep) 57 SC). Dalam *Yew Wan Leong v. Lai Kok Chye* [1990] 1 CLJ 1113; [1990] 1 CLJ (Rep) 330 SC, Gunn Chit Tuan HMR menyatakan:

> We agreed with the following passage in the judgment of the learned judge in that case in which his Lordship stated:
>
> > The court is not entitled to decide a suit on a matter on which no issue has been raised by the parties. It is not the duty of the court to make out a case for one of the parties when the party concerned does not raise or wish to raise the point. *In disposing of a suit or matter involving a disputed question of fact, it is not proper for the court to displace the case made by a party in its pleading and give effect to entirely new case which the party had not made out in its own pleadings*. The trial of a suit should be confined to the pleas on which the parties are at variance (Emphasis added).

**[6]** Dari pernyataan tuntutan plaintif (dalam kandungan 86A) adalah jelas bahawa plaintif mahu melaksanakan penghakiman yang diperolehi di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu terhadap SP3 dalam Saman No. 53-100-98 dengan menggunakan peruntukan di bawah ss. 91, 95(K) dan 96 Akta 333. Dalam pandangan saya isu utama dalam kes ini ialah sama ada defendan, sebagai penanggung insurans kepada Proton bagi kereta BCQ 8343 pada atau lebih kurang pada 7 Mei 1989, diwajibkan membayar wang penghakiman tersebut kepada plaintif sebagai pihak ketiga di bawah s. 95 dan s. 96 Akta 333.

**[7]** Di peringkat ini saya ingin menegaskan adalah jelas bahawa plaintif dalam plidingnya tidak memplidkan pemakaian perjanjian domestik (domestic agreement) di antara Motor Insuran's Bureau of West Malaysia (MIB) dengan defendan bertarikh 30 Januari 1974 atau perjanjian di antara MIB dengan Menteri Pengangkutan bertarikh 15 Januari 1968 yang telah diganti dengan perjanjian MIB yang baru bertarikh 25 Mac 1992. Oleh itu walaupun isu-isu mengenai perkara ini ada disenaraikan dalam kandungan 93D, dan walaupun dalam penghujahan mereka pihak-pihak ada menyentuh tentang perkara-perkara tersebut, Mahkamah ini tidak akan membuat keputusan tentang isu-isu tersebut.

**Hujah Pihak Defendan**

**[8]** Dalam hujahnya, peguam defendan menyatakan bahawa dalam Saman No. 53-100-98, plaintif telah menyaman SP3 (yang dinamakan sebagai defendan pertama) sebagai ejen, pengkhidmat atau orang yang memandu kereta BCQ 8343 dengan keizinan Proton. Pada 27 Julai 1999 Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu telah menolak tuntutan plaintif dalam kes itu terhadap Proton (yang dinamakan sebagai defendan kedua).

Peguam defendan berhujah bahawa ini membuktikan bahawa SP3 bukanlah ejen, pengkhidmat atau orang yang memandu kereta BCQ 8343 dengan kebenaran Proton. Sehubungan ini peguam defendan berhujah bahawa dalam Sijil Insurans di ms. 36 kandungan 93B (D10A), nama pemegang polisi ialah "Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd" dan peruntukan yang memberi perlindungan kepada pemandu yang dibenarkan dinyatakan dalam sijil tersebut sebagai "Any person who is driving on the policy holder's order or with their permission."

**[9]** Peguam defendan menyatakan bahawa Proton, iaitu, pemegang polisi dalam kes ini bagi kereta BCQ 8343 telah didapati tidak bertanggungan dalam kemalangan dalam kes ini. Peguam defendan berhujah bahawa oleh itu tidak ada apa-apa tanggungan pemegang polisi (sidiinsurans) yang perlu ditanggung oleh defendan. Peguam defendan berhujah bahawa tanggungjawab kontraktual penanggung insurans untuk mengganti rugi pemegang polisi hanya timbul selepas pemegang polisi itu dibuktikan bertanggungan terhadap pihak ketiga. Buku *Law of Life, Motor and Workmen's Compensation Insurance* (Fifth Edition) oleh Prof. Poh Chu Chai di ms. 547 dan kes *Post Office v. Norwich Union Fire Insurance Society Ltd* [1967] 2 QB 363, telah dirujuk sebagai otoriti.

**[10]** Seterusnya peguam defendan berhujah bahawa penghakiman Mahkamah Sesyen dalam Saman No. 53-100-98 yang menolak tuntutan plaintif terhadap Proton, membuktikan bahawa defendan tidak bertanggungan secara vicarious bagi liabiliti SP3. Menurut peguam defendan, ini merupakan satu penghakiman fakta yang telah dibuat oleh mahkamah sesyen yang telah tidak dirayu ke mahkamah yang lebih tinggi dan penghakiman fakta itu membuktikan bahawa SP3 bukanlah memandu sebagai ejen, pengkhidmat atau orang yang memandu dengan kebenaran Proton. Menurut peguam defendan juga isu bahawa SP3 telah mendapat kebenaran secara tersirat (implied) telah pun dibicarakan dan tidak sepatutnya ditimbulkan dan dibicarakan lagi di mahkamah ini. Peguam defendan seterusnya berhujah bahawa jika pun isu itu masih boleh ditimbulkan dengan wajar oleh plaintif, plaintif telah gagal membuktikan bahawa SP3 telah mendapat kebenaran Proton untuk memandu kereta BCQ 8343 kerana SP3 sendiri mengaku dalam akuan bersumpahnya (D9) bahawa dia tidak kenal pemilik sebenar kereta tersebut dan kereta itu pula telah dipinjam oleh SP2 dari seorang bernama Ang Yew Jin yang didakwa bekerja dengan Proton. Tetapi Ang Yew Jin telah tidak dipanggil memberi keterangan. Peguam defendan berhujah bahawa oleh itu, s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai dalam kes ini.

**Hujah Peguam Plaintif**

**[11]** Peguam plaintif berhujah bahawa defendan adalah bertanggungan untuk membayar kepada plaintif wang penghakiman tersebut berdasarkan kepada peruntukan di bawah s. 96(1) Akta 333 kerana kesemua syarat yang diperuntukkan di bawah sesyen tersebut telah dibuktikan. Sehubungan ini teras hujah peguam plaintif ialah bahawa pada masa yang material SP3 telah memandu kereta tersebut dengan kebenaran secara nyata (express) atau tersirat (implied) dari defendan.

**[12]** Tentang penghakiman Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu dalam Saman 53-100-98, peguam plaintif berhujah bahawa hakim Mahkamah Sesyen telah membuat keputusan yang betul apabila beliau mendapati bahawa tiada terdapat hubungan "master/servant" di antara Proton dan SP3 dan oleh itu Proton tidak boleh didapati bertanggungan secara vicarious bagi liabiliti SP3. Menurut peguam plaintif itulah sebabnya maka tuntutan plaintif terhadap Proton telah ditolak. Peguam plaintif menyatakan bahawa Mahkamah Sesyen tidak membuat keputusan atas persoalan sama ada SP3 telah memandu dengan atau tanpa kebenaran Proton kerana persoalan itu tidak timbul di dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen. Jadi menurut peguam plaintif, pihak defendan tidak boleh menggunakan pembelaan *res judicata*.

**[13]** Meneruskan hujahnya, peguam plaintif menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Sesyen bahawa tidak terdapat hubungan master/servant di antara Proton dengan SP3, (yang tidak dipertikaikan oleh plaintif) tidak bererti bahawa SP3 dianggap tidak mempunyai kebenaran Proton bila dia memandu kereta tersebut. Sehubungan ini peguam plaintif menyatakan bahawa dalam kes ini kereta tersebut yang dipunyai oleh Proton digunakan oleh seorang dari Pengurus Proton, iaitu Ang Yew Jin sebagai kereta syarikat (company car). Ang Yew Jin adalah kawan SP2 dan SP2 adalah abang plaintif. SP2 telah meminjam kereta tersebut dari Ang Yew Jin untuk pulang berhari raya bersama keluarganya di Terengganu. SP2 telah meminta SP3 memandu kereta tersebut kerana dia merasa letih. Pada masa yang material, plaintif bersama beberapa orang saudaranya berada di dalam kereta WBK 398 yang berada di hadapan kereta BCQ 8343, apabila kereta BCQ 8343 yang dipandu oleh SP3, telah melanggar kereta WBK 398 yang menyebabkan plaintif mengalami kecederaan.

**[14]** Meneruskan hujahnya, peguam plaintif menyatakan bahawa Ang Yew Jin tidak dipanggil memberi keterangan dalam kes ini kerana dia sedang mendapatkan rawatan di Australia. Peguam plaintif menyatakan bahawa Ang Yew Jin telah memberikan keterangan dalam perbicaraan di mahkamah sesyen. Selanjutnya, peguam plaintif menyatakan bahawa semasa kemalangan berlaku, kereta BCQ 8343 dipandu oleh SP3 dengan

kebenaran Ang Yew Jin yang telah diamanahkan dengan kereta tersebut. Peguam plaintif berhujah bahawa dalam kes ini tiada keterangan diberi untuk menunjukkan bahawa Proton telah tidak memberikan kebenaran kepada Ang Yew Jin untuk membenarkan kereta itu dipandu oleh orang lain. Peguam juga berhujah bahawa tiada wakil dari Proton telah dipanggil untuk menafikan bahawa SP3 mempunyai kebenaran untuk memandu kereta tersebut.

**[15]** Untuk menyokong hujahnya peguam plaintif telah merujuk kepada kes-kes *Yong Moi & Anor v. The Asia Insurance Co. Ltd.* [1964] 1 LNS 229 FC, *People's Insurance Co. Ltd. v. Khoo Tiang Seng* [1966] 1 MLJ 281, *Letchumi & Anor v. The Asia Insurance Co. Ltd* [1972] 1 LNS 74 FC.

**Penghakiman Mahkamah**

**[16]** Sesyen 91(1) Akta 333 memperuntukkan:

> (1) Bagi mematuhi kehendak-kehendak Bahagian ini, sesuatu polisi insurans mestilah suatu polisi yang -
>
> (a) dikeluarkan oleh seseorang penanggung insurans dibenarkan dalam erti Bahagian ini; dan
>
> (b) menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan:
>
> …
>
> (3) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang mengeluarkan polisi insurans di bawah sesyen ini hendaklah berliabiliti menanggung rugi orang atau kumpulan orang yang dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang berupa sebagai dilindungi oleh polisi itu dalam hal orang atau kumpulan orang itu.
>
> (4) Sesuatu polisi adalah tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa bagi maksud Bahagian ini melainkan dan sehingga penanggung insurans menyerahkan kepada orang yang melaksanakan polisi itu suatu perakuan (yang dalam Akta ini disebut "perakuan insurans") mengikut borang yang ditetapkan dan mengandungi apa-apa butiran mengenai apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya polisi itu dikeluarkan dan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan, dan borang-borang yang berlainan serta butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan berhubungan dengan hal-hal atau hal-hal keadaan yang berlainan.

**[17]** Sesyen 96(1) Akta 333 pula memperuntukkan: A

> Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subsesyen (4) sesyen 91 kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan (b) subsesyen (1) sesyen 91 (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh terma-terma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada sesyen ini, membayar kepada orang-orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman. B C D

**[18]** Sesyen 96 Akta 333 serupa perbahasannya dengan s. 80 Ordinan Lalu Lintas 1958. Dalam kes *Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v. Queensland Insurance Co. Ltd* [1974] 1 LNS 4 HC, Ajaib Singh H. menyatakan: E

> Under s. 80 of the Road Traffic Ordinance, 1958, an insurer is obliged, subject to the provisions of the section, to satisfy a judgement which a third party may obtain against the person insured in respect of any liability covered by a third party risk policy notwithstanding that the insurer may be entitled to avoid or cancel, or may have avoided or cancelled, the policy. F
>
> …
>
> However, the duty of an insurer to satisfy a third party's judgment under s. 80 of the Road Traffic Ordinance can arise only if the terms of the policy in the first place provide adequate cover to the person insured under the policy. In the present case before me Poon Sam, the owner of the motor cycle and the person insured, may well be vicariously liable for the negligence of the driver of the motorcycle but I fail to see how the defendant company can be made to indemnify the insured third party under s. 80 of the Road Traffic Ordinance when the policy issued by the company covered only the insured and no one else. A case directly on point is that of *Herbert v. Railway Passengers Assurance Co* [1938] 1 All ER 650. In that case one Wilkinson was insured with the defendant company against third party risks in respect of his motorcycle with a side-car attached to it. The policy was subject to certain general exceptions one of which was that the defendant company should not be liable in respect of any accident while any motor cycle was being driven by or was for the purpose of being driven by him in charge of any person other than the insured. G H I

Wilkinson fell ill while driving the motorcycle with a friend to a football match and he allowed the friend to drive the motorcycle. While being driven by the friend the motorcycle collided with a lorry with the result that the plaintiff was injured and her mother was killed. The plaintiff sued Wilkinson and obtained judgment against him for damages but in her subsequent action against the defendant company to recover those damages under s. 10 of the Road traffic Act, 1934 (which is in pari materia with s. 80 of the Road Traffic Ordinance, 1958) Porter J held that upon the construction of the policy the exception clause which limited the respondent company's liability applied and Wilkinson would not have been able to recover under that policy and, threfore, the plaintiff could not recover against the defendant company under s. 10 of the Road Traffic Act, 1934.

In the case of *Tan Keng Hong & Anor v. Fatimah binti Abdullah & Ors* [1974] 1 MLJ 156 a lorry was insured under a third party policy which excepted liability for death caused to any person carried on the vehicle other than a passenger carried by reason of or in pursuance of a contract of employment. The Federal Court held that as the deceased, killed in an accident whilst travelling on the lorry, was not a passenger by reason of or in pursuance of a contract of employment but was getting a free lift on the lorry the insurers were not liable under the policy.

**[19]** Dalam pandangan saya persoalan samada defendan sebagai penanggung insurans kepada Proton bagi kereta BCQ 8343, diwajibkan membayar wang penghakiman tersebut kepada plaintif, bergantung kepada persoalan samada pada masa yang material SP3 telah memandu kereta tersebut dengan kebenaran Proton samada secara nyata atau tersirat.

**[20]** Plaintif telah memanggil SP2 dan SP3 untuk memberikan keterangan tentang penggunaan kereta itu pada masa yang material. Dalam keterangannya SP2 menyatakan bahawa dia telah meminjam kereta BCQ 8343 dari kawannya Ang Yew Jin untuk pulang ke Kuala Terengganu untuk menyambut Hari Raya. Menurut SP2, Ang Yew Jin telah memberinya kebenaran untuk memandu kereta itu. Menurut SP2, Ang Yew Jin adalah kawannya. Dan SP2 tahu bahawa Ang Yew Jin bekerja sebagai pengurus kanan dengan Proton dan kereta itu adalah company car yang digunakan olehnya. SP2 menyatakan bahawa pada 6 Mei 1989 lebih kurang 10.30 malam dia bertolak dari Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu. Oleh kerana dia telah bekerja sepanjang hari, semasa hendak bertolak dia merasa letih. Jadi dia telah meminta SP3 memandu kereta itu. Menurut SP2 dia telah membenarkan SP3 untuk memandu kereta itu semasa kemalangan berlaku. Dalam pemeriksaan balas SP2 menyatakan bahawa dia tahu kereta itu dipunyai oleh Proton dan dia mengaku bahawa dia telah tidak memperolehi kebenaran dari Proton untuk menggunakan kereta itu. SP2 juga menyatakan bahawa dia

telah tidak mendapatkan kebenaran bertulis dari Ang Yew Jin untuk menggunakan kereta itu, tetapi menurut SP2 dia telah memperolehi kebenaran secara lisan dari Ang Yew Jin.

**[21]** Dalam keterangannya SP3 menyatakan bahawa SP2 telah memberinya kebenaran untuk memandu kereta BCQ 8343. Dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas SP3 menyatakan bahawa pada masa kemalangan dia tidak tahu kereta itu dipunyai oleh Proton. Keterangan sedemikian juga telah diberikan oleh SP3 dalam D9. SP3 menyatakan bahawa Proton tidak memberi apa-apa kebenaran kepadanya untuk menggunakan kereta itu pada masa kemalangan. SP3 mengaku bahawa Ang Yew Jin tidak memberi pinjam kereta itu kepadanya. SP3 juga mengaku bahawa pada masa kemalangan dia bukan pekerja, ejen atau pemandu yang dapat kebenaran dari Proton.

**[22]** Dari keterangan SP2 dan SP3 dan juga keterangan lain yang telah dikemukakan dalam kes ini, saya dapati bahawa tidak terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Proton telah memberi apa-apa kebenaran secara nyata kepada SP2 atau SP3 untuk menggunakan atau memandu kereta BCQ 8343 pada masa yang material. Dari keterangan SP2 dan SP3 atau keterangan lain dalam kes ini, saya dapati tidak terdapat bukti untuk menunjukkan bahawa Ang Yew Jin telah memberikan kebenaran secara nyata kepada SP3 untuk menggunakan atau memandu kereta itu. Peguam plaintif telah berhujah bahawa SP3 telah memandu kereta itu pada masa yang material dengan kebenaran secara tersirat dari Proton. Sehubungan ini, SP2 dalam keterangannya dalam pemeriksaan utama menyatakan bahawa dia mempunyai kebenaran dari Ang Yew Jin untuk memandu kereta itu. Di akhir pemeriksaan utama, SP2 telah ditanya oleh peguam plaintif, "Did Ang Yew Jin tell you before he lent this motocar to you that no one else was to drive this motorcar".

**[23]** SP2 menjawab, "No, he did not impose any restriction on the use of this motorcar when he lent it to me". Ang Yew Jin telah tidak dipanggil untuk memberikan keterangan kerana menurut SP2 dia berada di Australia dan sedang menerima rawatan perubatan. Peguam plaintif berhujah:

> Ang Yew Jin was not called as a witness as he was seeking medical treatment in Australia.
>
> Ang Yew Jin actually gave evidence in the Sessions Court in the earlier trial as a witness for the defence.
>
> Learned counsel for the defence will be able to confirm this as his firm was represented at the hearing by Ms. Surinder Kaur in her capacity as watching brief for the defendants in this case. (Talasco Insurance Sdn. Bhd.).

A Ang Yew Jin confirmed that he had given SP3, Wan Din Bin Hussin, permission to drive this car. This has also been recorded by the Court and ought not to be disputed by learned counsel for the defence at this stage.

So, as the matter stands, m/car No. BCQ 8343, at the time of this B accident was being driven with the permission of the person to whom this car was entrusted by its owners.

There is no evidence to suggest that the owners, Proton, had not given their permission to Ang Yew Jin to allow some other person to drive this car.

C

No representative was called from Proton to deny Wan Din Bin Hussin had permission to drive this m/car. Proton led no evidence.

**[24]** Dalam penghakiman saya apa yang didakwa telah dinyatakan oleh Ang Yew Jin kepada SP2 adalah keterangan dengar cakap dan tidak D boleh diterima dalam keterangan untuk membuktikan kebenaran apa yang didakwa telah diperkatakan oleh Ang Yew Jin. Tentang dakwaan bahawa Ang Yew Jin telah memberikan keterangan di dalam perbicaraan di Mahkamah Sesyen, tidak ada keterangan dikemukakan di hadapan mahkamah ini tentang apa yang telah dinyatakan oleh Ang Yew Jin E dalam keterangannya. Jadi dengan hormatnya saya menyatakan bahawa apa yang didakwa oleh peguam plaintif (dalam hujahnya) sebagai keterangan Ang Yew Jin di Mahkamah Sesyen itu tidak boleh digunakan sebagai asas untuk membuat kesimpulan bahawa pada masa kemalangan, kereta itu telah dipandu dengan kebenaran Ang Yew Jin, iaitu, seorang F yang telah diamanahkan oleh Proton dengan kereta itu. Jika benar kehadiran Ang Yew Jin untuk memberi keterangan tidak boleh didapati tanpa melibatkan kelewatan atau perbelanjaan yang tidak munasabah, plaintif boleh menggunakan peruntukan di bawah s. 33 Akta Keterangan 1950 untuk mengemukakan keterangannya di Mahkamah Sesyen. Tetapi ini telah tidak dilakukan oleh plaintif. Jadi kes plaintif masih bergantung G kepada keterangan SP2 dan SP3.

**[25]** Peguam plaintif berhujah bahawa:

There is no evidence to suggest that the owners, Proton, had not given their permission to Ang Yew Jin to allow some other person to H drive this car. No representative was called from Proton to deny Wan Din bin Hussin had permission to drive this motorcar. Proton had no evidence.

**[26]** Berikutan itu peguam plaintif membuat kesimpulan:

I Therefore based on the evidence, Ang Yew Jin lent this m/car to Ahmad who asked Wan Din to drive and there is nothing to suggest Proton were averse to this arrangement.

So how is it possible to say that Wan Din was an unauthorised driver or driving without the permission of Proton?

In fact the evidence clearly points to the contrary.

**[27]** Dengan segala hormatnya saya tidak dapat menerima hujah tersebut. Pertamanya, saya tidak faham kenapa Proton mesti mengemukakan keterangan bahawa SP3 tidak ada kebenaran untuk memandu kereta itu, apabila SP3 sendiri dalam keterangannya mengakui bahawa Proton tidak memberinya sebarang kebenaran untuk menggunakan kereta itu masa kemalangan. Malah SP3 mengakui bahawa pada masa kemalangan dia tidak tahu bahawa kereta itu dipunyai oleh Proton. SP3 juga mengaku bahawa bukan Ang Yew Jin yang meminjamkan kereta itu kepadanya. Kedua, SP2 mendakwa bahawa dia telah mendapatkan kebenaran secara lisan dari Ang Yew Jin untuk menggunakan kereta itu. Kemudian SP2 menyuruh SP3 memandu kereta itu. Tetapi SP2 juga mengaku dalam keterangannya bahawa dia telah tidak memperolehi kebenaran dari Proton untuk menggunakan kereta itu. Kalau SP3 dan SP2 telah mengaku bahawa mereka telah tidak memperolehi kebenaran dari Proton, kesimpulan tidak boleh dibuat bahawa "there is nothing to suggest Proton were averse to this arrangement," [iaitu, arrangement SP2 meminjam kereta dari Ang Yew Jin dan kemudian SP2 suruh SP3 memandu kereta itu]. Dalam keadaan yang sedemikian, Proton tidak boleh dikatakan telah memberi kebenaran kepada SP3 untuk memandu kereta itu. Seperti yang dihuraikan, peguam plaintif telah menekankan soal ketiadaan bukti dikemukakan oleh Proton untuk menyatakan bahawa SP3 tidak ada kebenaran untuk memandu kereta ini untuk meminta mahkamah membuat kesimpulan bahawa SP3 telah memandu kereta itu dengan kebenaran Proton. Berdasarkan kepada keterangan dalam kes ini, saya tidak dapat membuat kesimpulan SP3 telah memandu kereta itu dengan kebenaran secara tersirat dari Proton. Dalam kes ini plaintif yang mahukan penghakiman diberi kepadanya. Plaintif mahukan defendan membayar wang penghakiman tersebut. Tetapi dalam kes ini SP3 sendiri mengaku bahawa dia tidak dapat kebenaran dari Proton untuk menggunakan kereta tersebut. Oleh itu, untuk mendapatkan penghakiman yang dipohon oleh plaintif, beban terletak di pihak plaintif untuk membuktikan bahawa SP3 telah memandu kereta itu dengan kebenaran Proton.

**[28]** Saya akur bahawa dalam kes *Yong Moi v. The Asia Insurance* dan kes *People's Insurance Co Ltd v. Khoo Tian Seng*, Mahkamah Persekutuan telah membuat keputusan bahawa terdapat kebenaran secara tersirat (implied permission) dari sidiinsurans dalam kes-kes tersebut kepada pemandu kereta-kereta yang berkenaan apabila kereta-kereta tersebut terlibat dengan kemalangan. Tetapi pada hemat saya, dari segi fakta-faktanya kes-kes tersebut adalah berbeza dengan kes di hadapan saya.

**[29]** Dalam kes *Yong Moi & Anor v. The Asia Insurance Co. Ltd.*, keterangan yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa ketika tuan punya kereta dalam kes ini meminjamkan kereta itu pada sepupunya (simati), dia tahu bahawa kereta itu akan digunakan untuk membawa simati dan beberapa orang yang namanya dia tidak ketahui ke suatu majlis perkahwinan di Segamat. Sebelum itu tuan punya kereta itu telah pernah meminjamkan kereta itu beberapa kali kepada simati. Dalam perjalanan, simati sakit kepala dan dia telah meminta Yong Choy memandu kereta itu. Semasa Yong Choy memandu kereta itu, ianya terlibat dengan kemalangan yang mengakibatkan kematian simati.

**[30]** Dalam kes *People's Insurance v. Khoo Tiang Seng* pada tarikh yang material Ah Bah pemegang polisi bagi insurans kereta yang berkenaan telah meminta Chua, seorang mekanik untuk memperbaiki kereta tersebut. Chua telah membawa kereta itu ke workshop dan membaikinya. Setelah siap, Chua telah memandu kereta itu untuk dipulangkan kepada Ah Bah. Dalam perjalanan ke rumah Ah Bah, Chua dan dua orang rakannya membuat keputusan untuk pergi makan dahulu sebelum memulangkan kereta itu kepada Ah Bah. Chua telah melencong dari jalan ke rumah Ah Bah dan kereta itu telah terlibat dengan kemalangan. Sebelum itu Ah Bah telah pernah meminta Chua memperbaiki kereta itu, dan sebanyak dua kali semasa kereta itu diamanahkan kepadanya untuk diperbaiki, Chua telah menggunakannya untuk pergi makan tengah hari. Bagi kedua kali tersebut Chua telah tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Ah Bah tetapi telah memberitahu Ah Bah kemudian dan Ah Bah tidak membantah tentang Chua menggunakan kereta itu untuk pergi makan. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Ah Bah telah memberi kebenaran bagi kereta itu digunakan bagi kegunaan yang mana kereta itu pernah digunakan sebelum itu:

> On the facts and circumstances of this particular case, where the insured in parting with the control of the car without any definite prohibition as to the nature of its use to a person, who thereupon uses it for a purpose for which he had used it on previous occasions with the insured's knowledge and without the insured's expressed disapproval, it seems to me that the insured must be held to have given permission to that person to use the car for the purpose for which it had been used on previous occasions.

**[31]** Jadi dalam kes itu terdapat keterangan bahawa Ah Bah tahu bahawa kereta itu telah digunakan untuk pergi makan tengah hari dan dia telah tidak membantah. Ini tidak sama dengan fakta-fakta kes di hadapan saya. Dalam kes di hadapan saya ini, tiada langsung keterangan yang menunjukkan Proton tahu bahawa kereta itu, yang telah dibekalkan kepada Ang Yew Jin sebagai "company car", akan dipinjamkan oleh Ang

Yew Jin kepada SP2 (untuk tujuan balik kampung berhari raya) dan kereta itu pula akan dipandu oleh SP3 atas suruhan SP2. SP2 dan SP3 bukanlah pekerja atau kakitangan Proton dan kedua-dua mereka telah memberikan keterangan bahawa mereka telah tidak memperolehi kebenaran dari Proton untuk menggunakan atau memandu kereta itu. Dalam penghakiman saya dalam keadaan sedemikian adalah tidak munasabah dan tidak adil kesimpulan dibuat bahawa Proton telah memberikan kebenaran secara tersirat:

(a) kepada Ang Yew Jin untuk meminjamkan kereta itu kepada rakannya SP2 untuk menggunakannya untuk pulang berhari raya di Kuala Terengganu; dan/atau

(b) kepada SP3 untuk memandu kereta itu pada masa yang material.

**[32]** Berbalik kepada kes *Yong Moi v. The Asia Insurance*. Dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan telah membuat kesimpulan bahawa dalam keadaan kes itu terdapat izin yang diberi secara tersirat oleh tuan punya kereta itu untuk kereta itu dipandu oleh simati atau mana-mana orang dalam gerombolan simati untuk pergi ke majlis perkahwinan di Segamat. Dalam penghakimannya Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> In that connection our attention was drawn to the following observations by Diplock L.J. in the case of *Tappenden v. Artus*, the report of which was not available to the trial judge:
>
> > The grant of authority to use goods is itself to be construed as authority to do in relation to the goods all things that are reasonably incidental to their reasonable use. If the bailor desires to exclude the right of the bailee to do in relation to the goods some particular thing which is reasonably incidental to their reasonable use, he can, of course, do so, but he must do so expressly.

**[33]** Fakta dalam kes *Yong Moi* itu tidak sama dengan kes di hadapan saya. Dalam kes *Yong Moi*, tuan punya kereta itu memang telah meminjamkan kereta itu dan memberi kebenaran kepada sepupunya (simati) untuk tujuan pergi ke majlis perkahwinan di Segamat. Jadi pemanduan kereta itu oleh Yong Choy pada masa yang material (selepas simati pening kepala) adalah satu perkara yang "reasonably incidental" kepada penggunaan munasabah (reasonable use) kereta itu yang dirangkum oleh kebenaran yang telah diberi oleh tuan punya kereta itu kepada simati.

**[34]** Di dalam kes di hadapan saya ini, kereta BCQ 8343 telah dibekalkan oleh Proton kepada Ang Yew Jin, seorang pengurus kanannya, sebagai "company car". Saya tidak fikir dalam keadaan kes ini, pemanduan kereta itu oleh SP3 pada masa yang material adalah satu perkara yang "reasonably incidental" kepada kegunaan munasabah (reasonable use) kereta itu sebagai "company car" yang telah dibekalkan kepada Ang Yew Jin.

**Keputusan**

**[35]** Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan dalam penghakiman ini, saya memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan atas imbangan kebarangkalian, bahawa SP3 telah memandu kereta BCQ 8343 pada masa yang material dengan kebenaran Proton sama ada secara nyata atau tersirat. Oleh yang demikian defendan tidak bertanggungan untuk membayar kepada plaintif wang penghakiman tersebut. Tuntutan plaintif terhadap defendan ditolak dengan kos.

**[36]** Oleh kerana tuntutan plaintif terhadap defendan telah ditolak, mahkamah ini tidak membuat apa-apa perintah tentang tuntutan defendan terhadap pihak ketiga (Proton).

**[37]** Mahkamah juga memerintahkan supaya plaintif membayar kos kepada pihak ketiga.